

# Cagamas lancarkan bon, suuk bernilai RM710 juta

**KUALA LUMPUR:** Cagamas Bhd melancarkan bon dan suuk dengan terbitan agregat sebanyak RM710 juta untuk membiayai pembelian pembiayaan rumah, pinjaman perumahan dan sewa beli perindustrian daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata, terbitan itu terdiri daripada kertas komersial Islam (ICP) bernilai RM300 juta, kertas komersial konvensional (CCP) RM300 juta, nota jangka sederhana konvensional (CMTN) untuk tempoh setahun RM55 juta dan CMTN untuk tempoh tiga tahun RM55 juta.

"Kami gembira untuk memulakan tahun ini dengan kejayaan memuktamadkan urus niaga walaupun terdapat cabaran di pelbagai peringkat, berikutan peningkatan kes Covid-19 yang berterusan membawa kepada satu lagi Perintah Kawalan Pergerakan dan pengisytiharan darurat oleh kerajaan, meningkatkan ketidakpastian mengenai jangkaan pemulihan ekonomi domestik yang kukuh," katanya.

Beliau berkata, urus niaga ini menunjukkan keyakinan yang berterusan dalam kertas Cagamas, disokong oleh pasaran bon domestik yang kukuh dan berdaya tahan.

ICP dan CCP telah ditetapkan harga secara kompetitif pada KLIBOR tiga bulan yang sama ditolak dua mata asas (bps), atau bersamaan 1.92 peratus pada penetapan KLIBOR pada tarikh penetapan, mewakili 19 bps mengatasi Bil Perbendaharaan Islam Malaysia.

CMTN telah ditetapkan harga pada 37 bps dan 52 bps mengatasi Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Kertas tersebut, yang akan ditebus pada nilai nominal penuh setelah matang, adalah tanggungjawab yang tidak dijamin syarikat, pada kedudukan pari passu dan dengan semua tanggungjawab lain tidak dijamin sedia ada.

Ia akan disenaraikan dan diniagakan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip. – Bernama